

CNS6240

R GB 04-08 00153 BB269

aab

Mandela

MANDELA PUJI MALAYSIA DAN MAHU BERKONGSI PENGALAMAN

I

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Presiden Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) Nelson Mandela menamatkan lawatan singkat ke sini hari ini dengan mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan memuji kemajuan pesat Malaysia.

Beliau berkata Malaysia telah menunjukkan kecemerlangan dalam membangunkan ekonomi, menggalakkan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

"Kami mahu berkongsi pengalaman Malaysia dalam pembinaan rumah, pendidikan dan mengatasi masalah seperti pengangguran," katanya pada satu persidangan akhbar sebelum berlepas pulang dengan penerbangan tengah malam Penerbangan Malaysia ke Johannesburg.

"Banyak yang perlu kami belajar daripada Malaysia," kata pemimpin anti apartheid berusia 75 tahun itu yang sedang menyediakan parti ANC bagi pilihan raya umum pertama Afrika Selatan yang dijadualkan pada 27 April tahun depan.

Beliau menerangkan kepada Dr Mahathir mengenai keadaan politik di Afrika Selatan sekarang. -- lagi

▼04/08/00-37MSV

R GB 04-08 00158 BB272

aab

Mandela 2 Kuala Lumpur

Sambil menyifatkan Dr Mahathir sebagai seorang daripada penyokong kuat ANC, Mandela berkata Perdana Menteri membalas secepat "positif dan membina" terhadap permintaan mereka. Beliau tidak mengulas lanjut.

Semasa ditanya sama ada beliau mengemukakan permintaan khusus bagi bantuan kewangan, Mandela berkata: "saya memberikan gambaran keseluruhannya kepada Perdana Menteri dan jawapannya terhadap apa yang saya jelaskan adalah amat membina."

Diminta mengulas lanjut sambutan yang diterimanya dari seluruh dunia berikutan laporan baru-baru ini bahawa ANC memerlukan AS\$43 juta (RM110 juta) untuk bertanding dalam pilihan raya itu, beliau secara berseluruh berkata yang kira-kiranya lemah dan sambutan adalah "amat baik."

Beliau telah pun ke Amerika Syarikat dan mengadakan kutipan derma di negaranya untuk ANC memandangkan tarikh pilihan raya diputuskan bulan lepas.

Mandela berkata beliau bercakap dengan Presiden P.W. de Klerk melalui telefon hari ini dan bertukar pendapat mengenai cara menghalang pergolakan yang berterusan di negara itu. -- lagi

▼04/08/00-58MSV

CNS6249

R GB 04-08 00138 BH273

aab

Mandela 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Kami akan terus bertukar-tukar pendapat mengenai perkara itu," katanya. Mandela berkata beliau juga akan berunding dengan pemimpin politik lain yang terlibat dalam proses perundingan negara itu.

Sementara pembunuhan rakyat yang tidak bersalah "oleh mereka yang takutkan demokrasi" adalah satu perkara yang amat membimbangkan; Mandela berkata pemimpin-pemimpin tidak harus hilang sabar.

"Adalah penting bagi mereka yang komited untuk menarik keluar Afrika Selatan daripada kekusutan itu untuk mendekati persoalan ini secara tenang," katanya.

Mandela berkata beliau membayangkan kepada de Klerk semasa perbualan telefon mereka bahawa pasukan keselamatan terlibat dalam keganasan itu.

Ini berdasarkan maklumat yang diberikan kepada beliau oleh seorang "pegawai ANC yang bertanggungjawab", kata Mandela. Beliau akan menyiasat lanjut perkara itu sekembalinya ke Afrika Selatan. -- Bernama.

AZZ AZG RON

▼04/08/01-09MST